

Inspirasi Dr. Mahathir di FAO

Oleh **GLIMNIMARAN** 1 DEC 2003
(Yang membuat liputan Syarahan Peringatan McDougall di Rom, Itali)

KETUA Pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Dr. Jacques Diouf, sebagaimana dijangkakan, melahirkan kegembiraan yang teramat sangat apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad berada di pentas utama untuk menyampaikan ucapan suluang pada Syarahan Peringatan McDougall – sesi khas yang diadakan sempena majlis pembukaan Sidang Dua Tahun Sekali Kali Ke-32 FAO pada Sabtu lalu.

Dalam kata-kata pengenalannya, Diouf mendedahkan ‘rahsia’ perancangannya apabila memaklumkan perwakilan dari 184 negara anggota FAO bahawa beliau sebenarnya telah berusaha sejak enam tahun yang lalu untuk membawa Dr. Mahathir berucap pada Syarahan Peringatan McDougall.

“Setiap kali saya menemui Dr. Mahathir dan menghulurkan undangan, beliau hanya memberikan senyuman yang bersifat berkeyakinan tanpa memberi

penyatuan suara negara-negara miskin dalam menghalang usaha negara-negara maju.

“Pusingan di Cancun dianggap sebagai satu kegagalan oleh negara-negara kaya, tetapi ia satu kejayaan bagi negara-negara miskin.

“Buat pertama kali negara-negara miskin mengemukakan barisan bersatu dan enggan membincangkan agenda yang disediakan oleh negara-negara maju,” ujar beliau.

Sehubungan itu, tambah beliau, negara-negara miskin tidak boleh hanya enggan menerima agenda negara-negara Barat.

Sebaliknya, negara-negara miskin perlu tampil dengan agenda sendiri bagi keadilan perdagangan bagi semua negara sama ada kaya ataupun miskin.

Kesamarataan

“Agenda kita seharusnya fokus kepada kesamarataan. Berbanding perdagangan bebas, kita perlu menekankan perdagangan yang adil, dan kita juga harus me-

Rusia dan Perancis yang akhirnya membawa kepada bekalan makanan yang seimbang kepada setiap rakyat pada masa sekarang. Kebangkitan seumpama itu kemungkinan berlaku dalam menentukan setiap penduduk di muka bumi akan memperoleh makanan yang seimbang dan berzat.

Seterusnya Dr. Mahathir menarik langkah Libya membina sungai buatan merentasi padang pasir untuk membekalkan kemudahan air, tetapi dijadikan bahan jenaka oleh kebanyakan negara. Usaha itu membawa kesan positif pada hari ini.

Pokoknya, kata beliau, “jika dunia boleh menggunakan paip untuk menyalurkan minyak, cara yang sama boleh digunakan untuk menyediakan air.” Ini hanya boleh menjadi kenyataan jika terdapat sumber kewangan yang mencukupi

seimbang di setiap negara, yang hanya akan wujud jika negara-negara terbabit mengalami kemajuan yang ditentukan oleh sumber kewangan yang ada, ucapan Dr. Mahathir juga merupakan satu inspirasi kepada perwakilan FAO.

“Ucapan Dr. Mahathir menjadi inspirasi dan cabaran kepada kita semua untuk menghadapi masa depan,” kata Menteri Perhutanan, Perikanan dan Pemuliharaan Australia, Ian MacDonald yang mewakili negaranya sebagai tanda penghormatan kepada mendiang Frank McDougall yang merupakan salah seorang pengasas FAO.

Liberalisasi

Dr. Mahathir berharap bahawa negara-negara miskin akan terus memperjuangkan kesamarataan bersuara dan hak dalam pentas dunia, khususnya dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) yang bertungkus lumus melaksanakan liberalisasi perdagangan dalam era globalisasi.

Dalam menentukan amalan demokrasi

● **Tepukan gemuruh itu menandakan para**

kan persetujuan muktamad. Saya terus berusaha. Ini menunjukkan bahawa kalau kita berusaha tanpa putus asa, kita boleh mencapai apa yang kita sasarkan," kata Diouf, rakyat Senegal.

Di sebalik kata-kata ringkas memperkenalkan Dr. Mahathir sebagai ketua kerajaan Malaysia selama lebih 22 tahun, tumpuan para hadirin adalah ke atas ucapan Dr. Mahathir.

Rumusan mesej ucapan Dr. Mahathir ialah kesungguhan berusaha perlu diamalkan oleh negara-negara miskin dalam perjuangan menegakkan hak dan peluang yang sama rata dalam apa jua bidang yang menyentuh kepentingan negara-negara membangun di peringkat global. Intipati ucapan Dr. Mahathir tidak hanya memihak kepada kepentingan negara-negara maju, tetapi juga kesamarataan yang boleh menguntungkan semua negara.

Dr. Mahathir yang merupakan undangan ke-23 berucap pada Syarahan Peringatan McDougall turut melahirkan kegembiraan kerana negara-negara miskin telah mencapai satu langkah dalam perjuangan mereka dalam bidang perdagangan global.

Jelas beliau, Pusingan WTO di Cancun pada September lalu memperlihatkan

nekanan negara global maya, dan mereka yang menikmati faedah, harus membayar ganjaran bagi membolehkan yang miskin menikmati faedah hasil daripada keuntungan itu," katanya.

Diouf juga melabelkan kepimpinan Dr. Mahathir dalam menangani krisis ekonomi 1997/98 sebagai sesuatu yang menarik dalam mengurus dan mentadbir sebuah negara.

Dalam ucapannya kira-kira setengah jam, Dr. Mahathir tidak menjelaskan dengan terperinci formula menangani krisis ekonomi 1997/98. Tetapi secara tidak langsung, beliau mengulangi keperluan mengenakan cukai korporat global yang dikemukakan buat pertama kali di hadapan ahli-ahli perniagaan dan pakar-pakar ekonomi di Hainan, China pada penghujung dekad lalu.

"Tetapi ia senyap begitu sahaja," kata Dr. Mahathir dengan mengakhiri syarahannya dan diikuti tepukan gemuruh daripada para perwakilan FAO.

Tepukan gemuruh itu menandakan para perwakilan menerima idea dan saranan beliau berhubung isu-isu yang dibangkitkan dalam syarahannya, termasuk pendekatan mengenakan cukai korporat global. Dalam syarahannya juga, Dr. Mahathir merujuk kepada revolusi

perwakilan menerima idea dan saranan beliau berhubung isu-isu yang dibangkitkan dalam syarahannya, termasuk pendekatan mengenakan cukai korporat global

di negara yang memerlukannya. Sudah pasti negara yang dimaksudkan ialah masyarakat negara-negara miskin.

Pendek kata, dalam ucapan kedua di peringkat antarabangsa sejak bersara daripada jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober lalu, Dr. Mahathir meletakkan sekurang-kurangnya empat syor penting di hadapan para perwakilan FAO yang keanggotaannya terdiri daripada semua negara tanpa mengira yang miskin, kaya, mundur ataupun maju.

Selain memberikan inspirasi tentang pendekatan memastikan makanan yang

global yang sebenar, Dr. Mahathir berpendapat, "hak untuk bersuara dengan bebas dan sama rata perlu ada dalam WTO dalam menentukan keadilan perdagangan, bukan setakat kebebasan perdagangan."

Justeru, negara-negara miskin perlu mengambil perhatian Dr. Mahathir dalam bentuk saranan dan cadangan sebagai satu cabaran bagi memastikan WTO memasukkan agenda negara-negara miskin.

Agenda yang dimaksudkan ialah memperuntukkan ganjaran daripada keuntungan yang diperoleh oleh syarikat-syarikat besar dan negara-negara kaya, dalam bentuk cukai korporat global.

Institusi kewangan dan ekonomi antarabangsa perlu mengkaji kemungkinan mempertimbangkan idea Dr. Mahathir selepas 'membisu' sekian lama.

Idea Dr. Mahathir diletakkan di sebuah lagi forum antarabangsa iaitu FAO menerusi kunjungan sulung Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir berpendapat negara-negara miskin boleh melakukannya jika berusaha keras manakala Diouf memegang kepada falsafah bahawa tiada perkara yang tidak boleh dilakukan jika diamalkan dengan penuh kesungguhan.